



MALAYSIA

BANCI EKONOMI
ECONOMIC CENSUS

2016

PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN DAN LAIN-LAIN AKTIVITI
PERSONAL SERVICES AND OTHER ACTIVITIES

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

Diterbitkan oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook : www.facebook.com/StatsMalaysia
Twitter : <https://twitter.com/StatsMalaysia>

Harga /Price : RM40.00

Diterbitkan pada Julai 2017

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

Published by:

Department of Statistics, Malaysia

Block C6, Complex C,
Federal Government Administrative Centre,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Fax : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook : www.facebook.com/StatsMalaysia
Twitter : <https://twitter.com/StatsMalaysia>

Published in July 2017

All rights reserved.

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia.

Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following.

“Source: Department of Statistics, Malaysia”.

ISBN 978-967-2000-11-2

Penerbitan ini memaparkan perangkaan bagi perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti yang diperoleh daripada Banci Ekonomi 2016 bagi tahun rujukan 2015. Perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti merangkumi aktiviti keahlian organisasi; pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah; dan aktiviti perkhidmatan lain. Perkhidmatan ini meliputi semua industri dalam Seksyen S yang dikelaskan di bawah Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0, selaras dengan Piawaian Klasifikasi Industri Antarabangsa bagi Semua Aktiviti Ekonomi (ISIC), Semakan Ke-4, 2008. Kali terakhir banci ini dijalankan adalah pada tahun 2011 bagi tahun rujukan 2010.

Data utama yang berkaitan dengan nilai output kasar, nilai input perantaraan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah dan nilai harta tetap dilaporkan dalam penerbitan ini. Maklumat pekerja mengikut kelulusan dan pemilikan wanita turut dipaparkan. Data tersebut boleh digunakan oleh agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan dapat membantu merancang pembangunan perniagaan.

Penerbitan ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama memaparkan hasil penemuan bagi keseluruhan perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti. Aspek teknikal seperti skop dan liputan, konsep dan definisi serta pembolehubah utama yang digunakan diterangkan di bahagian kedua bagi memudahkan pengguna memahami statistik yang diterbitkan, manakala bahagian ketiga pula memaparkan jadual perangkaan terperinci.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh reponden dan juga semua pihak yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan banci ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan laporan ini pada masa akan datang amat dihargai.

DR. MOHD UZIR BIN MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia

Julai 2017

PREFACE

This publication presents statistics on personal services and others activities obtained from the Economic Census 2016 for reference year 2015. Personal services and others activities which encompass activities of membership organisations; repair of computer and personal & household goods; and others services activities. These services include all industries in Section S classified under the Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Ver. 1.0, in accordance with the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4, 2008. The last census was conducted in 2011 for reference year 2010.

Key data related to value of gross output, intermediate input, value added, number of persons engaged, salaries & wages and value of fixed assets are reported in this publication. Information on number of persons engaged by qualification and women ownership are also published. These data can be used by government agencies, economists, academicians, private sectors and individuals for planning and formulations policies, economic analysis, projections and to assist in business development planning.

This publication is divided into three parts. The first part displays the findings for the entire personal services and others activities. Technical aspects such as scope and coverage, concepts and definitions as well as the key variables used are describes in the second part to assist users to understand the published statistics. Meanwhile, the third part provides the detailed statistical tables.

The Department gratefully acknowledges the co-operation rendered by the respondents as well as all parties who have contributed directly and indirectly in making this census a success. Every feedback and suggestion towards improving future reports is highly appreciated.

DR. MOHD UZIR BIN MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia

July 2017

	Muka surat <i>Page</i>
Kata pengantar <i>Preface</i>	i
Kandungan <i>Contents</i>	iii
BAHAGIAN 1: Penemuan utama dan ringkasan penemuan <i>PART 1: Main findings and summary of findings</i>	3
BAHAGIAN 2: Nota teknikal <i>PART 2: Technical notes</i>	29
BAHAGIAN 3: Jadual <i>PART 3: Tables</i>	
1 Perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti <i>Personal services and other activities</i>	
1.1 Perangkaan utama perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti, 2010 dan 2015 <i>Principal statistics of personal services and other activities, 2010 and 2015</i>	49
1.2 Perangkaan utama perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut aktiviti, 2015 <i>Principal statistics of personal services and other activities by activities, 2015</i>	50
1.3 Perangkaan utama perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut negeri, 2015 <i>Principal statistics of personal services and other activities by states, 2015</i>	51
1.4 Perangkaan utama perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut taraf sah, 2015 <i>Principal statistics of personal services and other activities by legal status, 2015</i>	52
1.5 Perangkaan utama perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut hak milik, 2015 <i>Principal statistics of personal services and other activities by ownerships, 2015</i>	53

KANDUNGAN / CONTENTS

Jadual <i>Tables</i>		Muka surat <i>Page</i>
1.6	Perangkaan utama perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut saiz output, 2015 <i>Principal statistics of personal services and other activities by size of output, 2015</i>	54
1.7	Perangkaan utama perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut saiz pekerja, 2015 <i>Principal statistics of personal services and other activities by size of employment, 2015</i>	55
1.8	Perangkaan utama perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut saiz harta tetap, 2015 <i>Principal statistics of personal services and other activities by size of fixed assets, 2015</i>	56
1.9	Bilangan pekerja perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut aktiviti, 2015 <i>Number of persons engaged of personal services and other activities by activities, 2015</i>	57
1.10	Bilangan pekerja dan gaji & upah perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut kategori pekerja, 2015 <i>Number of persons engaged and salaries & wages of personal services and other activities by category of workers, 2015</i>	58
1.11	Bilangan pekerja perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut kewarganegaraan dan kategori pekerja, 2015 <i>Number of persons engaged of personal services and other activities by citizenships and category of workers, 2015</i>	59
1.12	Bilangan pekerja bergaji sepenuh masa perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut kategori kemahiran pekerja dan aktiviti, 2015 <i>Number of paid full-time employees of personal services and other activities by category of skilled workers and activities, 2015</i>	60
1.13	Bilangan pekerja perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut jantina dan kelulusan, 2015 <i>Number of persons engaged of personal services and other activities by sex and qualifications, 2015</i>	61
1.14	Bilangan pekerja perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut kelulusan dan aktiviti, 2015 <i>Number of persons engaged of personal services and other activities by qualifications and activities, 2015</i>	62

KANDUNGAN / CONTENTS

Jadual <i>Tables</i>		Muka surat <i>Page</i>
1.15	Nilai harta tetap perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut aktiviti, 2015 <i>Value of fixed assets of personal services and other activities by activities, 2015</i>	63
1.16	Nilai harta tetap perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut jenis harta, 2015 <i>Value of fixed assets of personal services and other activities by type of assets, 2015</i>	64
1.17	Perangkaan utama pertubuhan milikan wanita perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut aktiviti, 2015 <i>Principal statistics of women-owned establishment in personal services and other activities by activities, 2015</i>	65
1.18	Perangkaan utama pertubuhan milikan wanita perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mengikut negeri , 2015 <i>Principal statistics of women-owned establishment in personal services and other activities by states, 2015</i>	66
2	Aktiviti keahlian organisasi <i>Activities of membership organisations</i>	
2.1	Perangkaan utama aktiviti keahlian organisasi, 2010 dan 2015 <i>Principal statistics of activities of membership organisations, 2010 and 2015</i>	67
2.2	Perangkaan utama aktiviti keahlian organisasi mengikut aktiviti, 2015 <i>Principal statistics of activities of membership organisations by activities, 2015</i>	68
2.3	Perangkaan utama aktiviti keahlian organisasi mengikut negeri, 2015 <i>Principal statistics of activities of membership organisations by states, 2015</i>	69
2.4	Perangkaan utama aktiviti keahlian organisasi mengikut taraf sah, 2015 <i>Principal statistics of activities of membership organisations by legal status, 2015</i>	70

KANDUNGAN / CONTENTS

Jadual <i>Tables</i>		Muka surat <i>Page</i>
2.5	Perangkaan utama aktiviti keahlian organisasi mengikut hak milik, 2015 <i>Principal statistics of activities of membership organisations by ownerships, 2015</i>	71
2.6	Bilangan pekerja dan gaji & upah aktiviti keahlian organisasi mengikut kategori pekerja, 2015 <i>Number of persons engaged and salaries & wages of activities of membership organisations by category of workers, 2015</i>	72
2.7	Bilangan pekerja aktiviti keahlian organisasi mengikut aktiviti, 2015 <i>Number of persons engaged of activities of membership organisations by activities, 2015</i>	73
3	Pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah <i>Repair of computers and personal & household goods</i>	
3.1	Perangkaan utama pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah, 2010 dan 2015 <i>Principal statistics of repair of computers and personal & household goods, 2010 and 2015</i>	74
3.2	Perangkaan utama pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah mengikut aktiviti, 2015 <i>Principal statistics of repair of computers and personal & household goods by activities, 2015</i>	75
3.3	Perangkaan utama aktiviti pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah mengikut negeri, 2015 <i>Principal statistics of repair of computers and personal & household goods by states, 2015</i>	76
3.4	Perangkaan utama pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah mengikut taraf sah, 2015 <i>Principal statistics of repair of computers and personal & household goods by legal status, 2015</i>	77
3.5	Perangkaan utama pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah mengikut hak milik, 2015 <i>Principal statistics of repair of computers and personal & household goods by ownerships, 2015</i>	78

KANDUNGAN / CONTENTS

Jadual <i>Tables</i>		Muka surat <i>Page</i>
3.6	Bilangan pekerja dan gaji & upah bagi pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah mengikut kategori pekerja, 2015 <i>Number of persons engaged and salaries & wages of repair of computers and personal & household goods by category of workers, 2015</i>	79
3.7	Bilangan pekerja pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah mengikut aktiviti, 2015 <i>Number of persons engaged of repair of computers and personal & household goods by activities, 2015</i>	80
4	Aktiviti perkhidmatan persendirian lain <i>Others personal service activities</i>	
4.1	Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan persendirian lain, 2010 dan 2015 <i>Principal statistics of others personal service activities, 2010 and 2015</i>	81
4.2	Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan persendirian lain mengikut kumpulan, 2015 <i>Principal statistics of others personal service activities by groups, 2015</i>	82
4.3	Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan persendirian lain mengikut negeri, 2015 <i>Principal statistics of others personal service activities by states, 2015</i>	83
4.4	Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan persendirian lain mengikut taraf sah, 2015 <i>Principal statistics of others personal service activities by legal status, 2015</i>	84
4.5	Perangkaan utama aktiviti perkhidmatan persendirian lain mengikut hak milik, 2015 <i>Principal statistics of others personal service activities by ownerships, 2015</i>	85
4.6	Bilangan pekerja dan gaji & upah bagi perkhidmatan persendirian lain mengikut kategori pekerja, 2015 <i>Number of persons engaged and salaries & wages of others personal service activities by category of workers, 2015</i>	86

KANDUNGAN / CONTENTS

Jadual <i>Tables</i>		Muka surat <i>Page</i>
4.7	Bilangan pekerja aktiviti perkhidmatan persendirian lain mengikut kumpulan, 2015 <i>Number of persons engaged of others personal service activities by groups, 2015</i>	87



BAHAGIAN 1

**PENEMUAN
UTAMA DAN
RINGKASAN
PENEMUAN**

PART 1

*MAIN FINDINGS
AND
SUMMARY OF
FINDINGS*

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

This page is deliberately left blank.



PENEMUAN UTAMA PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN DAN LAIN-LAIN AKTIVITI








Bilangan pertumbuhan



Kadar pertumbuhan tahunan

4.3%








MAIN FINDINGS PERSONAL SERVICES AND OTHER ACTIVITIES



Number of establishments



Annual growth rate
4.3%



1. PENGENALAN

Penerbitan ini membentangkan perangkaan bagi perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti berdasarkan Banci Ekonomi yang dijalankan pada tahun 2016 bagi tahun rujukan 2015. Perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti merangkumi aktiviti keahlian organisasi; pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah; dan aktiviti perkhidmatan persendirian lain.

2. PRESTASI PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN DAN LAIN-LAIN AKTIVITI

Banci Ekonomi 2016 merekodkan sejumlah 45,384 pertubuhan yang beroperasi dengan jumlah output kasar yang dihasilkan RM8.1 bilion serta nilai ditambah RM3.9 bilion. Bilangan pekerja yang terlibat dalam perkhidmatan ini adalah seramai 113,624 orang dengan nilai gaji & upah yang dibayar berjumlah RM1.5 bilion. Sementara itu, nilai harta tetap bagi tahun rujukan 2015 adalah RM3.6 bilion. **Paparan 1** menunjukkan perangkaan utama perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti bagi tahun 2010 dan 2015.


Paparan 1: Perangkaan Utama bagi Perkhidmatan Persendirian dan Lain-Lain Aktiviti, 2010 dan 2015

	Bilangan pertubuhan	Nilai output kasar (RM bilion)	Nilai input perantaraan (RM bilion)	Nilai ditambah (RM bilion)	Bilangan pekerja	Gaji & upah (RM bilion)	Nilai harta tetap (RM bilion)
2015	45,384	8.1	4.1	3.9	113,624	1.5	3.6
2010	36,729	4.7	2.2	2.5	95,490	1.0	2.2
CAGR	4.3%	11.1%	13.4%	9.0%	3.5%	9.8%	10.3%

3. BILANGAN PERTUBUHAN

Pada tahun 2015, sejumlah 45,384 pertubuhan beroperasi dalam perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti berbanding 36,729 pertubuhan pada tahun 2010 dengan pertambahan 8,655 pertubuhan. Jumlah ini mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan 4.3 peratus. Aktiviti keahlian organisasi mencatatkan bilangan pertubuhan tertinggi sebanyak 20,782 pertubuhan dengan sumbangan 45.8 peratus (**Paparan 2**). Ini diikuti oleh aktiviti perkhidmatan persendirian lain (19,904 pertubuhan; 43.8%) dan pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah (4,698 pertubuhan; 10.4%).


Paparan 2: Bilangan Pertubuhan bagi Perkhidmatan Persendirian dan Lain-Lain Aktiviti mengikut Aktiviti, 2015



4. NILAI OUTPUT KASAR

Sejumlah RM8.1 bilion nilai output kasar telah dihasilkan bagi perkhidmatan ini (2010: RM4.7 bilion), mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan 11.1 peratus. **Paparan 3** menunjukkan peratus sumbangan nilai output kasar mengikut aktiviti di mana aktiviti perkhidmatan persendirian lain mencatatkan nilai output kasar tertinggi iaitu RM5.2 bilion dengan sumbangan 64.2 peratus. Ini diikuti oleh pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah (RM2.0 bilion; 24.7%) dan aktiviti keahlian organisasi (RM0.9 bilion; 11.1%).


Paparan 3: Nilai Output Kasar bagi Perkhidmatan Persendirian dan Lain-Lain Aktiviti mengikut Aktiviti, 2015



5. NILAI DITAMBAH

Pada tahun 2015, nilai ditambah bagi perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti ialah RM3.9 bilion (2010: RM2.5 bilion) dengan kadar pertumbuhan tahunan 9.0 peratus. **Paparan 4** memaparkan peratusan nilai ditambah bagi perkhidmatan ini mengikut aktiviti. Selari dengan nilai output kasar, aktiviti perkhidmatan persendirian lain merekodkan nilai ditambah tertinggi iaitu RM2.6 bilion dengan sumbangan 66.7 peratus. Ini diikuti oleh pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah (RM1.0 bilion; 25.6%) dan aktiviti keahlian organisasi (RM0.3 bilion; 7.7%).

Paparan 4 : Nilai Ditambah bagi Perkhidmatan Persendirian dan Lain-Lain Aktiviti mengikut Aktiviti, 2015




6. BILANGAN PEKERJA

Perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti merekodkan bilangan pekerja seramai 113,624 orang bagi tahun 2015 berbanding 95,490 orang pada tahun 2010 dengan kadar pertumbuhan tahunan 3.5 peratus. Aktiviti perkhidmatan persendirian lain mempunyai bilangan pekerja yang tertinggi iaitu 85,215 orang dengan sumbangan 75.0 peratus. Ini diikuti oleh pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah (21,292 orang; 18.7%) dan aktiviti keahlian organisasi (7,117 orang; 6.3%).

Pekerja bergaji sepenuh masa merekodkan seramai 74,503 orang dengan sumbangan 65.6 peratus, manakala pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tanpa gaji (34,297 orang; 30.2%) dan pekerja bergaji sambilan (4,824 orang; 4.2%) seperti di **Paparan 5**. Berdasarkan jumlah keseluruhan pekerja bergaji sepenuh masa, kategori pekerjaan asas merekodkan bilangan pekerja yang tertinggi (20,442 orang; 27.4%), diikuti oleh pekerja

perkhidmatan dan jualan (19,710 orang; 26.5%) dan pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan (9,994 orang; 13.4%).


Paparan 5: Bilangan Pekerja bagi Perkhidmatan Persendirian dan Lain-Lain Aktiviti mengikut Kategori Pekerja, 2015



6.1 SAIZ PEKERJA

Pertubuhan dengan saiz pekerja kurang daripada lima orang merupakan penyumbang tertinggi dengan 41,560 pertubuhan atau 91.6 peratus. Pertubuhan dengan saiz pekerja ini telah menyumbangkan nilai output kasar dan bilangan pekerja tertinggi masing-masing 44.0 peratus dan 63.4 peratus seperti yang ditunjukkan dalam **paparan 6**.


Paparan 6: Perangkaan mengikut Saiz Pekerja bagi Perkhidmatan Persendirian dan Lain-Lain Aktiviti 2015



6.2 KELULUSAN PEKERJA

Pekerja dengan kelulusan SPM/SPM (V) atau yang setaraf mendominasi bagi perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti dengan jumlah 39,214 orang atau 34.4 peratus daripada jumlah pekerja pada tahun 2015. Ini diikuti oleh pekerja yang mempunyai kelulusan sijil, 22,707 (20.0% sumbangan) dan seterusnya kelulusan diploma 20,308 orang (17.9% sumbangan) seperti di **Paparan 7**. Analisis mengikut jantina pula menunjukkan pekerja perempuan mewakili 53.5 peratus daripada jumlah keseluruhan bilangan pekerja. Kebanyakan pekerja dalam perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mempunyai kelulusan SPM/SPM (V) iaitu 15,009 orang atau 28.4 peratus bagi pekerja lelaki dan 24,205 orang atau 40.0 peratus bagi pekerja perempuan.

Paparan 7: Kelulusan Pekerja bagi Perkhidmatan Persendirian dan Lain-Lain Aktiviti, 2015




7. GAJI & UPAH

Jumlah gaji & upah yang dibayar pada tahun 2015 adalah sebanyak RM1.5 bilion berbanding hampir RM1.0 bilion pada tahun 2010 mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan 9.8 peratus. Aktiviti perkhidmatan persendirian lain mencatatkan jumlah gaji & upah yang

tertinggi dibayar iaitu RM1.1 bilion dengan sumbangan 71.1 peratus, diikuti oleh pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah (RM0.4 bilion; 23.7%) dan aktiviti keahlian organisasi (RM78 juta; 5.2%).

Perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti mencatatkan purata gaji bulanan sebanyak RM1,595 berbanding RM1,145 pada tahun 2010 dengan kadar pertumbuhan tahunan 8.0 peratus. **Paparan 8** menunjukkan jumlah dan purata gaji sebulan bagi perkhidmatan ini mengikut aktiviti. Purata gaji sebulan yang tertinggi dicatatkan oleh pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah sebanyak RM1,913, diikuti oleh aktiviti perkhidmatan persendirian lain (RM1,592) dan aktiviti keahlian organisasi (RM919).

Paparan 8: Gaji & Upah dan Purata Gaji Sebulan bagi Perkhidmatan Persendirian dan Lain-Lain Aktiviti mengikut Aktiviti, 2010 dan 2015



8. PRESTASI MENGIKUT NEGERI

Prestasi mengikut negeri menunjukkan Selangor mencatatkan bilangan pertumbuhan tertinggi sebanyak 8,550 pertumbuhan daripada keseluruhan bilangan pertumbuhan dalam perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti dengan kadar pertumbuhan tahunan 0.7 peratus di antara 2010 dan 2015. Ini diikuti oleh Johor (5,458 pertumbuhan; 6.5%) dan Pulau Pinang (5,411 pertumbuhan; 6.7%) seperti **Paparan 9**.


W.P. Kuala Lumpur merekodkan sumbangan tertinggi dari segi nilai output kasar iaitu sebanyak RM2.3 bilion dengan kadar pertumbuhan tahunan 22.8 peratus, diikuti oleh Selangor (RM2.1 bilion; 10.7%) dan Johor (RM0.9 bilion; 15.2%). Selari dengan prestasi nilai output kasar, W.P. Kuala Lumpur mencatatkan nilai ditambah tertinggi RM1.0 bilion dengan kadar pertumbuhan tahunan 17.0 peratus, diikuti oleh Selangor (RM1.0 bilion; 7.3%) dan Johor (RM0.4 bilion; 14.9%). **Paparan 10** menunjukkan perangkaan utama lain mengikut negeri bagi perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti.

Paparan 9: Bilangan Pertumbuhan, Nilai Output Kasar dan Nilai Ditambah bagi Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti mengikut Negeri, 2010 dan 2015


	Tahun	Bilangan pertumbuhan		Nilai output kasar (RM juta)		Nilai ditambah (RM juta)	
			Kadar pertumbuhan tahunan *		Kadar pertumbuhan tahunan		Kadar pertumbuhan tahunan
SELANGOR	2015	8,550	0.7%	2,135.8	10.7%	969.8	7.3%
	2010	8,271		1,285.9		680.8	
JOHOR	2015	5,458	6.5%	897.2	15.2%	443.3	14.9%
	2010	3,984		442.2		221.6	
PULAU PINANG	2015	5,411	6.7%	835.4	1.8%	504.1	2.3%
	2010	3,904		764.1		449.7	
W.P. KUALA LUMPUR	2015	5,102	3.2%	2,263.3	22.8%	1,012.2	17.0%
	2010	4,354		811.7		461.0	
PERAK	2015	3,915	1.2%	342.7	1.3%	171.8	0.6%
	2010	3,696		321.1		166.7	
SARAWAK	2015	3,529	5.7%	370.0	1.2%	179.4	1.4%
	2010	2,672		348.2		167.0	
SABAH	2015	2,982	15.3%	322.8	15.5%	169.2	16.4%
	2010	1,464		157.0		79.1	
KEDAH	2015	2,121	1.3%	182.1	4.9%	84.6	5.1%
	2010	1,990		143.0		65.9	
PAHANG	2015	1,977	2.1%	144.0	7.1%	68.5	4.8%
	2010	1,781		102.3		54.3	
KELANTAN	2015	1,807	14.5%	103.8	18.7%	49.0	20.6%
	2010	917		44.0		19.0	
NEGERI SEMBILAN	2015	1,488	0.2%	147.2	3.0%	72.9	2.4%
	2010	1,475		127.2		64.8	
MELAKA	2015	1,424	3.8%	186.6	7.5%	95.8	9.3%
	2010	1,184		129.9		61.5	
TERENGGANU	2015	1,092	11.6%	61.4	12.1%	29.0	17.1%
	2010	631		34.7		13.2	
PERLIS	2015	314	5.6%	24.2	4.1%	11.1	10.2%
	2010	239		19.7		6.8	
W.P. LABUAN	2015	115	8.6%	24.0	11.5%	11.8	11.3%
	2010	76		14.0		6.9	
W.P. PUTRAJAYA	2015	99	1.7%	12.4	13.1%	5.6	16.2%
	2010	91		6.7		2.6	
MALAYSIA	2015	45,384	4.3%	8,052.9	11.3%	3,878.1	9.4%
	2010	36,729		4,751.6		2,521.1	

Nota: * Terdapat perubahan klasifikasi kod industri pada 2015.

Paparan 10: Perangkaan Utama Lain bagi Perkhidmatan Persendirian dan Lain-Lain Aktiviti mengikut Negeri, 2015



RINGKASAN PENEMUAN




Sementara itu, bagi bilangan pekerja, Selangor turut merekodkan bilangan pekerja yang tertinggi dalam perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti iaitu 23,853 orang dengan sumbangan 21.1 peratus. Ini diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur 23,835 orang (21.0%) dan Johor 16,077 orang (14.0%). Gaji & upah yang tertinggi dibayar adalah di W.P.Kuala Lumpur iaitu RM463.2 juta dengan purata gaji sebulan RM1,882, diikuti Selangor (RM349.7 juta; RM1,715 sebulan) dan Johor (RM212.5 juta; RM1,598 sebulan).

9. PERTUBUHAN MILIKAN WANITA


Pada tahun 2015, terdapat 12,899 pertubuhan milikan wanita dalam perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti (**paparan 11**) berbanding 12,103 pertubuhan pada tahun 2010 dengan pertumbuhan tahunan 1.3 peratus. Jumlah ini merupakan 28.4 peratus daripada jumlah keseluruhan pertubuhan. Bilangan tertinggi milikan wanita dicatatkan oleh aktiviti perkhidmatan persendirian lain iaitu sebanyak 12,523 pertubuhan dengan sumbangan sebanyak 97.1 peratus, diikuti oleh pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah (376 pertubuhan; 2.9 %).

Paparan 11: Pertubuhan Milikan Wanita bagi Perkhidmatan Persendirian dan Lain-Lain Aktiviti mengikut Aktiviti, 2015



Bilangan pertubuhan tertinggi direkodkan di Selangor berjumlah 2,672 pertubuhan dengan sumbangan 20.7 peratus, diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (16.7%) dan Johor (13.1%). Jumlah nilai ditambah yang dihasilkan oleh pertubuhan milikan wanita dalam perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti adalah RM1,423.7 juta. Aktiviti perkhidmatan persendirian lain adalah penyumbang tertinggi bagi nilai ditambah iaitu RM1,299.8 juta dengan sumbangan 91.3 peratus. Ini diikuti oleh pembaikan komputer dan barangan persendirian & isi rumah (RM123.9 juta; 8.7%) seperti di **Paparan 12**.


Paparan 12: Pertubuhan Milikan Wanita mengikut Negeri dan Nilai Ditambah mengikut Aktiviti bagi Perkhidmatan Persendirian dan Lain-Lain Aktiviti, 2015



Nota: * Negeri-negeri lain merujuk kepada negeri Kelantan, Melaka, Pahang, Negeri Sembilan, Perlis, Terengganu, W.P.Labuan dan W.P. Putrajaya.

Paparan 13 menunjukkan bilangan pekerja dan gaji & upah bagi pertubuhan milikan wanita 2015. Ianya merekodkan seramai 33,164 orang dan jumlah gaji & upah yang dibayar adalah sebanyak RM613.7 juta.

Paparan 12: Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah Pertubuhan Milikan Wanita bagi Perkhidmatan Persendirian dan Lain-Lain Aktiviti, 2015



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

This page is deliberately left blank.

1. INTRODUCTION

This report presents statistics on the personal services and other activities that was compiled based on Economic Census undertaken in 2016 for reference year 2015. Personal services and other activities comprise activities of membership organisations; repair of computers and personal & household goods; and other personal service activities.

2. PERFORMANCE OF PERSONAL SERVICES AND OTHER ACTIVITIES

Economic Census 2016 recorded a number of 45,384 establishments with a total value of gross output generated RM8.1 billion and value added of RM3.9 billion. Number of persons engaged in these services were 113,624 persons with salaries & wages paid amounting to RM1.5 billion. Meanwhile, fixed assets value of these services registered RM3.6 billion for the reference year 2015. **Exhibit 1** shows key statistics for personal services and other activities in 2010 and 2015.


Exhibit 1: Key Statistics for Personal Services and Other Activities, 2010 and 2015

	Number of establishments	Value of gross output (RM billion)	Value of intermediate input (RM billion)	Value added (RM billion)	Number of persons engaged	Salaries & wages (RM billion)	Value of fixed assets (RM billion)
2015	45,384	8.1	4.1	3.9	113,624	1.5	3.6
2010	36,729	4.7	2.2	2.5	95,490	1.0	2.2
CAGR	4.3%	11.1%	13.4%	9.0%	3.5%	9.8%	10.3%

3. NUMBER OF ESTABLISHMENTS

In 2015, a total of 45,384 establishments operated in personal services and other activities compared to 36,729 establishments in 2010, increased by 8,655 establishments. The annual growth rate was 4.3 per cent. Activities of membership organisations recorded the highest number of establishments of 20,782 with a percentage share of 45.8 per cent (**Exhibit 2**). This was followed by other personal service activities (19,904 establishments; 43.8%) and repair of computers and personal & household goods (4,698 establishments; 10.4%).


Exhibit 2: Number of Establishments for Personal Services and Other Activities by Activity, 2015



4. VALUE OF GROSS OUTPUT

A total of RM8.1 billion gross output was generated from these services (2010: RM4.7 billion), registered annual growth rate of 11.1 per cent. The percentage share of the value of gross output by activities is presented in **Exhibit 3**, which other personal service activities recorded the highest gross output value of RM5.2 billion with a percentage share of 64.2 per cent. It was followed by repair of computers and personal & household goods (RM2.0 billion; 24.7%) and activities of membership organisations (RM0.9 billion; 11.1%).


Exhibit 3: Value of Gross Output for Personal Services and Other Activities by Activities, 2015



5. VALUE ADDED

In 2015, the total value added for personal services and other activities was RM3.9 billion (2010: RM2.5 billion) with an annual growth rate of 9.0 per cent. **Exhibit 4** presents the percentage share of value added for these services by activities. In line with the value of gross output, other personal service activities recorded the highest value added amounting RM2.6 billion with a percentage share of 66.7 per cent. This was followed by repair of computers and personal & household goods (RM1.0 billion; 25.6%) and activities of membership organisations (RM0.3 billion; 7.7%).

Exhibit 4: Value Added for Personal Services and Other Activities by Activities, 2015



6. NUMBER OF PERSONS ENGAGED


Personal services and other activities posted 113,624 number of persons engaged in 2015 as compared to 95,490 persons in 2010, with annual growth rates of 3.5 per cent. Other personal service activities recorded the highest number of persons engaged with a total employee of 85,215 persons with a percentage share of 75.0 per cent. This was followed by repair of computers and personal & household goods (21,292 persons; 18.7%) and activities of membership organisations (7,117 persons; 6.3%).

A total of 74,503 persons was recorded as paid full-time employees with a percentage share of 65.6 per cent, while working owners & unpaid family workers (34,297 persons; 30.2%) and paid part-time employees (4,824 persons; 4.2%) as shown in **Exhibit 5**. Elementary occupations were the highest number of persons engaged

SUMMARY OF FINDINGS

(20,442 persons; 27.4%) as paid full-time employees, followed by service and sales workers (19,710 persons; 26.5%) and craft and related trade workers (9,994 persons; 13.4%).


Exhibit 5: Number of Persons Engaged for Personal Services and Other Activities by Categories, 2015



6.1 SIZE OF EMPLOYMENT

Establishments with size of employment less than five person posted the highest number with 41,560 establishments or 91.6 per cent. The establishments with this size of employment recorded the highest value of gross output and number of persons engaged with 44.0 per cent and 63.4 per cent respectively as shown in **Exhibit 6**.


Exhibit 6: Statistics by Employment Size in Personal Services and Other Activities, 2015



6.2 QUALIFICATION OF EMPLOYEES

Employees with SPM/SPM (V) qualification or equivalent were dominant in the personal services and other activities with 39,214 persons or 34.4 per cent of a total number of persons engaged in 2015. It was followed by holders of the certificate, 22,707 persons (percentage share of 20%) and diploma holders 20,308 persons (percentage share of 17.9%) as illustrated in **Exhibit 7**. Analysis by sex showed that female workers recorded 53.5 per cent of the total number of persons engaged. Most workers in personal services and other activities were SPM/SPM (V) holders with 15,009 persons or 28.4 per cent of the male workers and 24,205 persons or 40.0 per cent of the female workers.

Exhibit 7: Qualification of Employees in Personal Services and Other Activities, 2015




7. SALARIES & WAGES

Total salaries & wages paid in 2015 was RM1.5 billion as compared to almost RM1.0 billion in 2010 registering an annual growth rate of 9.8 per cent. Other personal service activities was the highest activities with total salaries & wages paid RM1.1 billion with a percentage

share of 71.1 per cent, followed by repair of computers and personal & household goods (RM0.4 billion; 23.7%) and activities of membership organisations (RM78 million; 5.2%).

Average monthly salary of personal service and other activities recorded RM1,595 compared to RM1,145 in 2010 with annual growth rate of 8.0 per cent. **Exhibit 8** presented the total and average monthly salary for these services by activities. The highest average monthly salary was repair of computers and personal & household goods with RM1,913, followed by other personal service activities (RM1,592) and activities of membership organisations (RM919).

Exhibit 8: Salaries & Wages and Average Monthly Salary for Personal Services and Other Activities by Activities, 2010 and 2015



8. PERFORMANCE BY STATE

Performance by state shows that Selangor recorded the highest total number of establishments registering 8,550 establishments in personal services and other activities with annual growth rate of 0.7 per cent between 2010 and 2015. It was followed by Johor (5,458 establishments; 6.5%) and Pulau Pinang (5,411 establishments; 6.7%) as illustrated in **Exhibit 9**. W.P. Kuala Lumpur contributed the highest value of gross output, RM2.3 billion; an annual growth rate of 22.8 per cent, followed by Selangor (RM2.1 billion; 10.7%) and Johor (RM0.9 billion; 15.2%). In line with the performance of gross output value,

SUMMARY OF FINDINGS


W.P. Kuala Lumpur recorded the highest value added of RM1.0 billion with the annual growth rate of 17.0 per cent, followed by Selangor (RM1.0 billion; 7.3%) and Johor (RM0.4 billion; 14.9%). Other key statistics of personal services and other activities by states are shown in **Exhibit 10**.

Exhibit 9: Number of Establishments, Value of Gross Output and Value Added for Personal Services and Other Activities by State, 2010 and 2015


	Year	Number of establishments		Value of gross output (RM million)		Value added (RM million)		
		2015	2010	Annual growth rate *	2015	Annual growth rate	2015	Annual growth rate
SELANGOR	2015	8,550	8,271	0.7%	2,135.8	10.7%	969.8	7.3%
	2010				1,285.9		680.8	
JOHOR	2015	5,458	3,984	6.5%	897.2	15.2%	443.3	14.9%
	2010				442.2		221.6	
PULAU PINANG	2015	5,411	3,904	6.7%	835.4	1.8%	504.1	2.3%
	2010				764.1		449.7	
W.P. KUALA LUMPUR	2015	5,102	4,354	3.2%	2,263.3	22.8%	1,012.2	17.0%
	2010				811.7		461.0	
PERAK	2015	3,915	3,696	1.2%	342.7	1.3%	171.8	0.8%
	2010				321.1		166.7	
SARAWAK	2015	3,529	2,672	5.7%	370.0	1.2%	179.4	1.4%
	2010				348.2		167.0	
SABAH	2015	2,982	1,464	15.3%	322.8	15.5%	169.2	15.4%
	2010				157.0		79.1	
KEDAH	2015	2,121	1,990	1.3%	182.1	4.9%	84.6	5.1%
	2010				143.0		65.9	
PAHANG	2015	1,977	1,781	2.1%	144.0	7.1%	68.5	4.8%
	2010				102.3		54.3	
KELANTAN	2015	1,807	917	14.5%	103.8	18.7%	49.0	20.8%
	2010				44.0		19.0	
NEGERI SEMBILAN	2015	1,488	1,475	0.2%	147.2	3.0%	72.9	2.4%
	2010				127.2		64.8	
MELAKA	2015	1,424	1,184	3.8%	186.6	7.5%	95.8	9.3%
	2010				129.9		61.5	
TERENGGANU	2015	1,092	631	11.8%	61.4	12.1%	29.0	17.1%
	2010				34.7		13.2	
PERLIS	2015	314	239	5.8%	24.2	4.1%	11.1	10.2%
	2010				19.7		6.8	
W.P. LABUAN	2015	115	76	8.8%	24.0	11.5%	11.8	11.3%
	2010				14.0		6.9	
W.P. PUTRAJAYA	2015	99	91	1.7%	12.4	13.1%	5.6	16.2%
	2010				6.7		2.6	
MALAYSIA	2015	45,384	36,729	4.3%	8,052.9	11.3%	3,878.1	9.4%
	2010				4,751.6		2521.1	

Note: * There were changes to industrial classification code in 2015.

**Exhibit 10: Key Statistics Personal Services and Other Activities Services
by State, 2015**



SUMMARY OF FINDINGS




In terms of the number of persons engaged, Selangor also recorded the most number of person engaged for personal services and other activities services with 23,853 persons and percentage share of 21.1 per cent. This was followed by W.P. Kuala Lumpur 23,835 persons (21.0%) and Johor 16,077 persons (14.0%). The highest salaries & wages paid was paid in W.P.Kuala Lumpur with RM463.2 million and average monthly salary of RM1,894. It was followed by Selangor (RM349.7 million; RM1,700 per month) and Johor (RM212.5 million; RM1,598 per month).

9. WOMEN-OWNED ESTABLISHMENTS


In 2015, there were 12,899 women-owned establishments in personal services and other activities services (**Exhibit 11**) as compared to 12,103 establishments in 2010 which posted an annual growth rate 1.3 per cent. It was accounted for 28.4 per cent of the total establishments. The highest number of women-owned establishments was recorded in other personal service activities with 12,523 establishments with a percentage share of 97.1 per cent, followed by repair of computers and personal & household goods (376 establishments; 2.9%).

Exhibit 11: Women-owned Establishments for Personal Services and Other Activities by Activity, 2015



The highest number of establishments was recorded in Selangor amounted to 2,672 establishments with a percentage share of 20.7 per cent, followed by W.P. Kuala Lumpur (16.7%) and Johor (13.1%). In terms of value added, RM1,423.7 million was generated by women-owned establishments in personal services and other activities. Other personal service activities was the major contributor for value added, RM1,299.8 million with a percentage share of 91.3 per cent. This was followed by repair of computers and personal & household goods (RM123.9 million; 8.7%) as shown in **Exhibit 12**.

Exhibit 12: Women-owned Establishments by State and Value Added by Activity for Personal Services and Other Activities, 2015



Note: * Other states refer to Kelantan, Melaka, Pahang, Negeri Sembilan, Perlis, Terengganu, W.P. Labuan and W.P. Putrajaya

Exhibit 13 shows that the number of persons engaged and salaries & wages in women-owned establishments 2015. It was recorded 33,164 persons engaged and the total salaries & wages disbursed amounted to RM613.7 million.

Exhibit 13: Number of Persons Engaged and Salaries & Wages of Women-owned Establishments for Personal Services and Other Activities, 2015



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

This page is deliberately left blank.



BAHAGIAN 2

PART 2

**NOTA
TEKNIKAL**

*TECHNICAL
NOTES*

1. Skop dan liputan

Banci ini meliputi pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam **perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti** yang merangkumi aktiviti utama berikut:

- i. Aktiviti organisasi keahlian perniagaan, majikan dan profesional;
- ii. Aktiviti kesatuan buruh;
- iii. Pembaikan komputer dan peralatan komunikasi;
- iv. Pembaikan barangan persendirian dan isi rumah
- v. Aktiviti berkaitan pengebumian manusia atau haiwan dan aktiviti yang berkaitan dengannya; dan
- vi. Pencucian dan cucian kering bagi tekstil dan produk berbulu;
- vii. Aktiviti dandan rambut dan penjagaan kecantikan lain;
- viii. Aktiviti perkhidmatan lain.

Keseluruhannya, liputan banci bagi perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi terdiri daripada 49 industri di peringkat 3-digit dan 4-digit mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 versi 1.0. Senarai lengkap industri seperti di **Lampiran**.

2. Sumber rangka

Sumber utama rangka pertubuhan diperoleh daripada agensi seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), *Registrar of Societies* (ROS), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Kementerian Belia dan Sukan dan sumber-sumber lain.

Rangka dikemaskini setiap tahun untuk mengambil kira pertubuhan baru dan sebarang perubahan dalam status pertubuhan seperti tutup, tidak beroperasi, perubahan jenis aktiviti atau alamat untuk memastikan maklumat yang terdapat di dalam rangka adalah yang paling terkini.

3. Jenis aktiviti perniagaan

Jenis aktiviti perniagaan merujuk kepada aktiviti utama dan sekunder. Aktiviti utama merujuk kepada aktiviti yang mana pertubuhan menggunakan sebahagian besar daripada

sumbernya atau yang memberikan sumbangan besar dari segi pendapatan. Aktiviti sekunder didefinisikan sebagai aktiviti sampingan kepada aktiviti utama. Klasifikasi industri bagi pertubuhan adalah mengikut aktiviti utamanya berdasarkan kepada **Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver.1.0**. MSIC 2008 ver.1.0 adalah selaras dengan Piawaian Klasifikasi Industri Antarabangsa bagi Semua Aktiviti Ekonomi (ISIC), Semakan Ke-4, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dengan pengubahsuaian untuk keperluan tempatan.

4. Konsep dan definisi

Definisi perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti yang diguna pakai dalam penerbitan ini berasaskan kepada MSIC 2008 Ver 1.0:

1. **Aktiviti keahlian organisasi**

Aktiviti ini termasuk aktiviti organisasi yang mewakili kepentingan kumpulan tertentu atau mempromosi idea kepada masyarakat umum. Organisasi berkenaan selalunya mempunyai kumpulan ahli tersendiri tetapi aktiviti mereka boleh melibatkan dan memberi manfaat kepada bukan ahli. Pecahan utama bahagian ini ditentukan oleh tujuan khidmat organisasi berkenaan, iaitu kepentingan majikan, pekerja sendiri dan komuniti tertentu, kepentingan pekerja atau mempromosikan keagamaan, politik, kebudayaan, pendidikan atau idea rekreasi dan aktiviti.

i. **Aktiviti organisasi keahlian perniagaan, majikan dan profesional**

Merujuk kepada aktiviti mempromosikan kepentingan ahli organisasi perniagaan dan pekerja. Dalam kes keahlian organisasi profesional, ia juga termasuk aktiviti mempromosikan kepentingan profesional ahli-ahli yang berkaitan dengan kerjaya mereka.

ii. **Aktiviti kesatuan buruh**

Merujuk kepada aktiviti mempromosikan kepentingan kesatuan buruh dan pekerja, aktiviti persatuan di mana ahli

